

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4/1/2013

Dr. M nasihatkan rakyat tidak terpedaya janji kosong pembangkang

# 'Jangan bereksperimen'

Oleh METRA SYAHRIL MOHAMED  
metra.mohamed@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 3 Jan. - Rakyat dinasihatkan agar tidak bereksperimen untuk menukar kerajaan serta terpedaya dengan janji-janji kosong pembangkang yang mampu membuatkan negara ini tidak stabil dan berkembang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, mengambil contoh beberapa janji pembangkang yang mahu mengubah negara ini kepada 'negara berkebakikan' seperti pendidikan percuma, pemansuhan tol, meningkatkan subsidi petrol dan royalti minyak, semua janji itu akan meletakkan negara dalam keadaan bahaya.

Menurutnya, idea-idea itu pernah cuba dilaksanakan oleh negara-negara sosialis dan komunis, tetapi semuanya gagal.

"Realitinya, semua kerajaan perlu wang untuk pembangunan selain memberi subsidi kepada rakyat. Tetapi jika sesebuah kerajaan mengorbankan cukai, tol dan yuran, kerajaan akan kekurangan wang. Dan dalam masa sama, kerajaan itu perlu membelanjakan wang untuk kemudahan awam, lebuhraya, sekolah, hospital, kos operasi dan pembangunan, pencen serta subsidi-subsidi lain.

"Jadi, di manakah kerajaan mahu mendapatkan dana yang diperlukan? Boleh sahaja membuat pinjaman jika wang itu di-



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD  
Bekas Perdana Menteri

Realitinya, semua kerajaan perlu wang untuk pembangunan selain memberi subsidi kepada rakyat. Tetapi jika sesebuah kerajaan mengorbankan cukai, tol dan yuran, kerajaan akan kekurangan wang.

labur dan memberi pulangan untuk membayar semula pinjaman. Tetapi jika pinjaman dilakukan hanya untuk perbelanjaan, ia tidak akan mampu melangsaikan hutang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam entri terbaharu di blognya, <http://chedet.cc> hari ini.

Beliau berkata, dalam kempenya untuk kembali memegang 'takhta' Presiden Amerika Syarikat (AS), Barack Obama pernah menjanjikan beberapa perubahan seperti menutup kem tahanan AS di Teluk Guantanamo selain menamatkan operasi ketenteraan di Iraq dan Afghanistan.

Namun jelasnya, segala janji-janji itu gagal dilaksanakan.

"Membuat janji semasa berkempen cukup mudah. Sekarang ini, pembangkang di negara ini cuba meniru rentak Obama dan menjanjikan perubahan. Mereka kata, inilah mereka peluang kerana Barisan Nasional (BN) telah mentadbir negara ini selama 55 tahun.

"Memang diakui BN telah mentadbir negara ini sejak merdeka. Tetapi bandingkanlah Malaysia dengan negara-negara lain yang sama mencapai kemerdekaan. Bandingkan dengan negara-negara membangun di Barat. Mereka kini berdepan ma-

salah kewangan dan tidak mampu mengatasi krisis," tegasnya.

Beliau kemudiannya mengajak rakyat mengimbau kembali krisis kewangan yang melanda dunia sekitar 1997 dan 1998.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu cuba menggunakan penyelesaian Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) tanpa pinjaman IMF.

"Bank dan syarikat berdepan dengan ancaman kebangkrutan. Kos import meningkat manakala kos sara hidup melonjak. Rekod Menteri Kewangan itu buruk walaupun beliau sering mendakwa kejayaan yang dibawa oleh orang lain itu sebagai kejayaannya.

"Kini sebagai pemimpin pembangkang, beliau mendakwa mahu membawa perubahan. Apakah perubahan terbaik yang diperkenalkannya sepanjang berada dalam kerajaan? Apa yang diminatinya hanyalah meniti tangga kepimpinan UMNO untuk menjadi Perdana Menteri," ujarnya.

Atas dasar itu katanya, rakyat tidak seharusnya terpedaya seperti mana beliau sendiri terpedaya dengan gaya pemimpin berkenaan suatu ketika dahulu.

"Memberi tempoh lima tahun kepada pembangkang sebagai kerajaan cukup bahaya. Banyak perkara boleh musnah dalam tempoh itu. Mereka yang kononnya berjuang kebebasan bersuara tetapi sering kali mengambil jalan mahkamah untuk menutup mulut pengkritiknya," tambahnya.